



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

|              |   |                    |            |   |    |
|--------------|---|--------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN       |            |   |    |
| TARIKH       | : | 17/9/2021 (JUMAAT) | MUKA SURAT | : | 10 |
| JABATAN      | : | JMG                |            |   |    |



10

NASIONAL

JUMAAT 17 SEPTEMBER 2021 • SINAR HARIAN

# Ibu maut tertimbus, anak cedera

Rumah didiami mangsa tertimbus runtuhannya tanah di Jalan Sungai Palas, Cameron Highlands

Oleh ROSILAWATI ROSEDI  
CAMERON HIGHLANDS



Keadaan sebuah rumah terlibat dalam kejadian tanah runtuh di Sungai Palas pada Khamis yang mengakibatkan seorang wanita maut.

Seorang wanita maut manakala anak perempuannya yang berusia 29 tahun cedera selepas rumah didiami tertimbus runtuhannya tanah di Jalan Sungai Palas menghala jalan utama Brinchang susulan hujan lebat berterusan hampir dua jam pada Khamis.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Cameron Highlands, Zulraime Seman berkata, mangsa, K Vijaya, 59, maut tertimbus manakala suami dan

seorang lagi anak perempuan mangsa terselamat dalam kejadian tersebut.

Menurutnya, sembilan anggota dan empat pegawai BBP Cameron Highlands digerakkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada jam 3.30 petang.

"Setibanya anggota di lokasi, didapati terdapat tanah runtuh yang membawa lumpur dan pokok tumbang hingga meranapkan sebuah rumah.



Operasi mencari mayat mangsa tunut menggunakan jengkaut bagi membersihkan sisa runtuhannya dan lumpur.

"Semasa kejadian terdapat empat orang di dalam rumah tersebut namun mangsa terperangkap di dalam runtuhannya manakala tiga ahli keluarga lain sempat menyelamatkan diri.

"Wanita itu bagaimanapun berjaya ditemui pada jam 5.41 petang dan jengkaut digunakan bagi membantu mengeluarkan mangsa yang tertimbus," katanya dalam satu kenyataan pada petang Khamis.

Mengulas lanjut, Zulraime berkata, mangsa disahkan meninggal

dunia oleh pasukan perubatan di lokasi kejadian dan mayatnya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu, hujan lebat selama dua jam sebelum kejadian dipercayai telah menyebabkan pergerakan tanah di bahagian atas hingga mengakibatkan sebahagian rumah roboh dan dihanyutkan air.

"Mangsa terperangkap dalam runtuhannya tanah sedalam satu meter," katanya.